

CABARAN INSTITUSI *HISBAH* DALAM DUNIA KONTEMPORARI SERTA USAHA-USAHA BAGI MEMPERKASAKANNYA

**Muhammad Syahir Abu Bakar¹, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria²,
Kamaruddin Salleh²**

Abstrak

Pada zaman mengharungi arus kemodenan dunia kontemporari ini, pelaksanaan hisbah menjadi semakin mencabar dan sukar untuk dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapatnya pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi hisbah dalam pelbagai aspek. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh para muhtasib dalam melaksanakan hisbah ini. Selain itu, kajian ini juga menyarankan pelbagai usaha bagi memperkasakan lagi institusi hisbah ini untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang. Metode analisis kandungan digunakan dalam menyempurnakan kajian ini. Dengan itu, tanggungjawab al-Amar bi al-Ma‘ruf wa Nahi ‘an al-Munkar ini adalah suatu kewajipan dan jika manusia gagal untuk melaksanakan hisbah dengan sempurna, maka dunia ini akan ditimpa pelbagai masalah, jenayah dan kemungkaran sama ada terhadap masyarakat, organisasi, agama dan negara. Kajian ini mendapati bahawa betapa pentingnya pelaksanaan hisbah ini dalam kehidupan seharian manusia walau apa jua alasan yang diberikan dan apa jua rintangan yang melanda demi manfaat bersama.

Kata Kunci: *hisbah, cabaran, usaha-usaha, memperkasakan, kontemporari*

¹Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: syaz1984@yahoo.com.my

²Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: aufaa@ukm.edu.my, dins@ukm.edu.my

INSTITUTIONAL CHALLENGES IN CONTEMPORARY WORLD OF HISBAH AND EFFORTS TO STRENGTHEN

Abstract

In this age of modernization this contemporary world, the implementation of hisbah have become more challenging and difficult to implement because there are many challenges to be faced by the institution of hisbah in various aspects. This study aims to explain the challenges to be faced by the muhtasib in implementing these hisbah. In addition, this study also suggested various efforts to strengthen the institution of hisbah to produce quality and excellent service. Content analysis method was used to complete this study. Therefore, the responsibility of al-Amar bi al-Ma^cruf wa Nahi ^can al-Munkar this is an obligation and if the people failed to implement hisbah perfectly, then the world will be hit by various problems, crime and evil either to society, organization, religion and country. This study found that implementation of hisbah is very important in human life no matter what the reasons given and any obstacles that will come for mutual benefit.

Keywords: hisbah, challenges, efforts, strengthen, contemporary

PENDAHULUAN

Institusi *hisbah* adalah badan dan golongan yang dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan dan menegakkan tuntutan *al-Amar bi al-Ma^cruf wa Nahi ^can al-Munkar*. Namun, pada zaman globalisasi dan modenisasi ini, terdapat pelbagai cabaran semasa yang perlu dihadapi dan ditangani oleh institusi *hisbah* yang mana adakalanya ia mampu merencatkan dan mengganggu operasi serta perjalanan para *muhtasib* untuk menunaikan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Dengan itu, pelbagai usaha dilakukan bagi mengembalikan peranan institusi *hisbah* ke puncaknya kerana peranannya bukan setakat mengawasi kesalahan luaran semata-mata, bahkan melampaui kesalahan-kesalahan lain yang berkait dengan aspek spiritual, akhlak, dan moral masyarakat. Institusi *hisbah* ini berkembang selari dengan perubahan zaman. Justeru, pelaksanaannya boleh diubahsuai dan dikemaskini mengikut kesesuaian zaman asalkan tidak membuang nilai dan ajaran agama itu sendiri kerana ia sebagai tunggak dan benteng pertahanan kepada manusia, organisasi dan negara.

DEFINISI HISBAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dari segi etimologi, *hisbah* berasal daripada perkataan *hasaba* yang bermaksud mengira, menghitung, menilai dan menimbang. Adapun *hisbah* juga adalah kata terbitan daripada perkataan *ihtisab* yang bermaksud balasan pahala daripada Allah SWT di akhirat kelak dengan melakukan perbuatan yang baik dan juga bermaksud

**Cabaran Institusi *Hisbah* Dalam Dunia Kontemporari
Serta Usaha-Usaha Bagi Memperkasakannya**
Muhammad Syahir Abu Bakar¹, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria¹, Kamaruddin Salleh²

ganjaran yang diperolehi daripada hasil *hisbah* yang baik pada setiap urusannya (Ibn Mandhur, 1990; Ma'tuq, 1982). Selain itu, perkataan *hisbah* bermaksud meneliti, mentadbir, melihat, mencegah dan menahan. Maksudnya di sini ialah seperti mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran atau seperti seseorang yang melakukan kebaikan, kedua-duanya mendapat balasan daripada Allah SWT (Zaydan, 1984). Adapun dalam bahasa Malaysia, antara perkataan yang boleh dikaitkan dengan *hisbah*, ia biasanya dikenali atau dipanggil sebagai penjagaan, pengawasan dan pengawalan, manakala perkataan penguatkuasaan itu lebih menyerlah penggunaannya terutama dari aspek praktikalnya di Malaysia. Manakala dari segi istilah pula, walaupun *hisbah* terdapat pelbagai pendapat, namun kesemuanya adalah lebih kurang sama iaitu kebanyakan para ilmuwan dilihat bersepakat bahawa *hisbah* itu adalah bermaksud tanggungjawab manusia dalam melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran (al-Ghazali, 1982; al-Mawardi, 1989; Ibn Khaldun, 1961; al-Shihawi, 1962).

Melalui semua perbincangan definisi tersebut, maka dapat dirumuskan bahawa definisi *hisbah* menurut pandangan Islam ialah segala aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan serta amalan dalam menegakkan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* sama ada terhadap individu, masyarakat, organisasi, agama dan negara demi kebaikan dan keselamatan bersama.

CABARAN INSTITUSI *HISBAH* PADA MASA KINI

Secara umum, terdapat pelbagai cabaran dalam melaksanakan dan membangunkan pengurusan dan pentadbiran Islam pada masa kini. Antaranya adalah seperti berikut:

Cabaran Globalisasi

Walaupun pengaruh globalisasi juga ada kebaikannya daripada aspek positif, namun dari aspek negatifnya adalah lebih parah dan merosakkan. Pengaruh globalisasi kepada corak hidup masyarakat yang mana bertunjangkan kepada budaya, fahaman pemikiran, sistem ekonomi dan politik Barat merupakan cabaran yang perlu dihadapi semua masyarakat Islam di dunia ini. Globalisasi merupakan cara penjajahan halus dan terselindung yang boleh mengikis nilai luhur masyarakat lalu menerima nilai pemikiran Barat tanpa disaring atau ditapis (JAKIM). Melalui globalisasi, Barat bebas membawa pengaruh dari segi ideologi atau fahaman dan budaya hedonisme dengan meluas ke serata dunia. Memang diakui implikasinya dari sudut positif iaitu melalui pendedahan kepada seluruh masyarakat dan Negara untuk maju ke hadapan dengan penggunaan teknologi yang tinggi serta pentadbiran yang sistematik. Namun, yang dikhawatiri ialah daripada sudut negatifnya iaitu pelbagai budaya kuning dan nilai-nilai negative yang boleh merosakkan serta menghakis nilai-nilai moral dan akhlak Islam itu sendiri seperti penyebaran ajaran sesat, terlibat dengan pornografi, fitnah dan jenayah siber,

terlibat dalam jenayah dan keganasan, seks bebas, pemakaian yang kurang sopan, muzik dan hiburan melampaui batas, menggunakan sains dan teknologi untuk merosakkan atau membina sesebuah agama, bangsa dan Negara. Kelonggaran pegangan agama dan akhlak Islam serta undang-undang Islam dalam menghadapi globalisasi itu akan mengakibatkan kesan negatif yang amat parah apabila umat Islam dan para *muhtasib* gagal menepis atau mengatasinya.

Persaingan Sistem Pengurusan Penguat Kuasa Konvensional

Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam jika hendak dibandingkan dengan sistem pengurusan konvensional seperti Barat dan Jepun amat jauh berbeza dari banyak aspek terutama dalam aspek teori dan amalannya. Sistem pengurusan dan pentadbiran konvensional bukan sahaja menjadi dasar dan amalan negara-negara maju bahkan menjadi tunjang kepada sistem pengurusan di negara-negara mundur dan membangun yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara Islam. Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam merupakan suatu sistem yang lahir daripada sistem pengurusan Islam yang berasaskan paradigma tauhid iaitu satu falsafah yang lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya yang diwahyukan oleh Allah SWT dan jika hendak dibandingkan dengan sistem-sistem bukan Islam yang lain, nyata sekali jauh lebih sempurna kerana ianya bersifat lengkap dan melengkapi (*shumul*) yang mencakupi aspek jasmani dan rohani (Rasid et al., 2008). Ia adalah berbeza dengan sistem penguatkuasaan yang lebih menekankan aspek material semata-mata dengan mengabaikan aspek agama, etika dan nilai, serta pembangunan insan. Masalahnya sekarang ialah sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam tidak diyakini dan tidak mendapat tempat untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi di dunia ini sama ada dalam kerajaan, pihak swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya kerana didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan. Mungkin ada yang mengamalkan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam tetapi hanya sedikit sahaja dan tidak menyeluruh. Padahal, ramai manusia yang tidak sedar sistem ini sebenarnya telah pun dibangunkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan mengalami beberapa reformasi yang bersesuaian dengan suasana, zaman dan tempat.

Penolakan daripada Masyarakat

Sikap dan keyakinan masyarakat sekarang dilihat lebih ghairah menjurus ke arah pemikiran pengurusan moden Barat dan Jepun (Auni, 2009). Masyarakat kini berpendapat bahawa sistem penguatkuasaan hanya akan berkesan jika menggunakan sistem pengurusan penguatkuasaan dari Barat dan Jepun sahaja. Selain itu, terdapat juga penentangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan yang tidak ingin melihat Islam dijadikan sebagai asas pembentukan sistem penguatkuasaan yang penuh dengan nilai-nilai agama, akhlak dan moral. Penentangan itu kini bukan sahaja berlaku oleh masyarakat bukan Islam, bahkan

yang paling memalukan ialah daripada masyarakat Islam itu sendiri, ia juga ditentang oleh pelbagai etnik dan kaum malah juga daripada pelbagai parti politik dan badan organisasi yang mana kononnya negara akan menjadi mundur kerana mengikut teori dan falsafah pengurusan dan pentadbiran Islam yang telah lama ketinggalan lalu memilih sistem pengurusan penguatkuasaan Barat dan Jepun yang tiada nilai-nilai moral itu sebagai alternatif. Masyarakat moden masa kini kurang ilmu pengetahuan dan cetek pemikiran mereka dan tidak sedar bahawa Islam adalah sebuah agama yang sempurna dan meliputi semua bidang termasuk juga sistem pengurusan *hisbah* yang merupakan perintah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia selaku khalifah di muka bumi. Dengan itu, umat Islam boleh mengislamisasikan sistem pengurusan penguatkuasaan dari Barat atau Jepun ke dalam konsep dan ajaran Islam tanpa mengeneppikan atau membuang terus nilai-nilai murni dan akhlak Islam darinya. Hal demikian boleh mengelakkan berlakunya pelbagai jenayah dan kerosakan moral serta salah laku dalam kalangan masyarakat sekiranya sesuatu sistem itu menjadi bebas nilai serta jauh daripada pegangan agama.

Kelemahan Pentadbiran Politik Secara Islamik

Kerajaan adalah nadi dan tiang negara, maka jika sesebuah kerajaan rosak maka rosaklah segala politik, ekonomi dan sosial negara tersebut. Ini menunjukkan bahawa faktor politik memainkan peranan penting dalam memajukan dan memundurkan sistem pengurusan dan pentadbiran Islam. Apabila dasar sesebuah negara itu lemah dan telah condong ke arah sekularisme, maka setiap dasar dan polisi kerajaan juga turut ikut mengamalkannya. Ini menyebabkan berlaku kesukaran dalam melaksanakan dan memperkembangkan pengurusan *hisbah* menurut Islam. Para pemimpin khususnya menjadi faktor utama terhadap kegagalan dalam melaksanakan sepenuhnya nilai-nilai Islam dan ajaran agama dalam *hisbah* kerana terlalu mengambil kira pelbagai faktor sehingga boleh mengikis agama dan nilai Islam itu sendiri daripada jiwa masyarakat. Maka yang menjadi mangsa dalam hal ini ialah sistem pengurusan dan pentadbiran Islam itu sendiri kerana segala polisi dan dasar politik yang tidak berteraskan Islam akan mempengaruhi secara langsung ke atas sistem pengurusan *hisbah* dan membawa banyak masalah kepada perkembangan sistem tersebut lalu dipinggirkan daripada diamalkan oleh badan-badan kerajaan mahupun swasta. Sesebuah kerajaan Islam perlu lebih berani melaksanakan pengurusan dan pentadbiran secara Islamik sepenuhnya kerana tiada keburukan atau kemungkar yang ada padanya malah memiliki banyak kebaikan di dunia dan akhirat. Jika sesebuah kerajaan Islam dan organisasi itu mengamalkan dasar dan politik sekular, maka matlamat pengurusan dan pentadbiran Islam untuk mencapai *maqasid* akan terus menjadi perhiasan dalam arena politik negara-negara Islam. Ini kerana pengurusan dan pentadbiran Islam itu hanya boleh dijalankan melalui polisi kerajaan dan kerajaan yang akan menterjemahkan polisi tersebut dalam perlumbaan negara seterusnya

dikuatkuasakan (Wan Liz, 1996). Oleh itu, amat penting untuk proses pengislaman semula sistem pengurusan dan pentadbiran menurut ajaran Islam serta para pemimpin perlu memainkan peranannya semaksima yang mungkin dalam membangunkan kembali pengurusan dan pentadbiran Islam dan tidak menggunakan Islam itu hanya pada nama atau slogan sahaja padahal ia sememangnya memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan dan kemajuan ekonomi, masyarakat dan negara malah kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak (Wan Liz, 1996).

Pengaruh Ideologi dan Sistem Sosioekonomi Barat

Kegagalan pendekatan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam untuk mendapat tempat adalah juga berpunca daripada pengaruh ideologi dan sistem sosioekonomi Barat. Ia telah mengakibatkan penguasaan dari sistem penguatkuasaan yang berteraskan sistem sekular dalam menerajui kehidupan manusia khususnya berkaitan dengan ekonomi. Selain itu, ia turut menghasilkan kepada kepincangan dan pertentangan fahaman dalam masyarakat atau agama dan menyebabkan berlakunya kemelut sistem ekonomi semasa yang tenat kerana kehilangan nilai-nilai suci moral dan agama Islam kerana mereka mengutamakan nilai material semata-mataa bukannya serta nilai rohani (Mohd Shahwahid, 1991; Shaharom, 1999). Sifat mementingkan diri yang melahirkan ciri individu yang tamak dan rakus, penyelewengan dan rasuah, pengkhianatan dan perbalahan, serta berleluasanya riba dan menghalalkan yang haram. Kelemahan ini tidak ditonjol sebagai asas kepada kemelut ekonomi dunia. Sistem sekular, kapitalisme dan marxisme yang berpandangan bahawa kuasa ekonomi adalah penentu kepada kebahagiaan hidup manusia dengan pengumpulan harta sebanyak yang mungkin. Selain itu, sistem sosioekonomi Barat itu juga didukung dan dipengaruhi pula dengan pelbagai fahaman seperti liberalisme, pluralisme, hedonisme dan sebagainya. Oleh itu, kebanyakan segala teori dan fakta ekonomi yang diperkenalkan oleh Barat, selalunya mudah mempengaruhi keseluruhan sistem kehidupan manusia dalam sesbuah masyarakat dan negara lalu mengubah sifat dan sikap manusia itu sendiri termasuklah dalam sistem penguatkuasaan. Berbeza dengan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam, segala urusan dan kerja adalah demi mengabadikan kepada Allah SWT bagi mendapatkan keredaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Peningkatan Masalah Sosial dan Jenayah

Setiap negara di dunia ini mempunyai masalah sosial dan jenayah dalam masyarakat seperti zina, rogol, judi, minum arak, mencuri, membunuh, riba, rasuah, khianat, ponteng sekolah, vandalisme, gangsterisme, merempit, merokok, mencuri, buli, penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, pornografi, seks luar nikah, pelacuran, pembuangan bayi dan membunuh. dan lain-lain perbuatan mungkar serta kemaksiatan (JAKIM, t.th.). Semua masalah ini akan

**Cabaran Institusi *Hisbah* Dalam Dunia Kontemporari
Serta Usaha-Usaha Bagi Memperkasakannya**
Muhammad Syahir Abu Bakar¹, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria¹, Kamaruddin Salleh²

membantutkan usaha-usaha kerajaan dan masyarakat untuk membangunkan sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam kerana masyarakat dan generasi muda mahupun tua telah rosak. Walaupun digunakan dengan pelbagai cara dan hukuman seperti denda, penjara, sebat dan lain-lain lagi, tetapi masalah tersebut masih tidak berkurangan malah semakin bertambah dari hari ke hari. Sehubungan itu, semua negara terutamanya negara Islam perlu mengorak langkah yang lebih progresif dan kembali kepada ajaran yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dalam membendung masalah sosial dan jenayah yang membimbangkan. Justeru, langkah strategi untuk mengatasi masalah sosial ini perlu difokuskan kepada golongan remaja dan pelbagai langkah yang perlu diambil oleh semua pihak bagi mengatasi masalah sosial ini kerana remaja mudah terpangaruh dan lebih cenderung ke arah kemaksiatan. Dalam hal yang demikian, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak mereka dan tidak boleh menyerahkan seratus peratus kepada guru-guru di sekolah. Undang-undang Islam perlu diperketatkan lagi dan dikaji semula, ilmu dan pendidikan agama perlu diperbanyakkan lagi di sekolah-sekolah, rumah, pengajian tinggi, masjid-masjid dan di media agar masyarakat dapat menyedari dan menjauhi segala perkara yang mungkar kembali kepada landasan syariat yang sebenar. Oleh yang demikian, semua masyarakat terutama pemimpin perlu sedar dan insaf mengenai kemungkaran dan kemaksiatan yang telah berlaku serta bekerjasama mengambil langkah yang sewajarnya untuk membendung gejala ini secara efektif dan menyeluruh daripada terus bermaharajalela (JAKIM, t.th.).

USAHA-USAHA BAGI MENGHIDUPKAN KEMBALI INSTITUSI HISBAH

Realitinya sememangnya terdapat pelbagai cabaran dalam melaksanakan dan membangunkan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia ini. Secara umumnya adalah seperti berikut:

Pendekatan Tauhid dalam Semua Sistem Pengurusan Penguatkuasaan

Tauhid dalam pengurusan dan pentadbiran Islam ialah penyempurnaan amanah yang diterima manusia dari Allah SWT sebagai hamba dan khalifahnya di dunia dengan mengerjakan amal salih secara syura iaitu perundingan dan kerjasama dalam organisasi. Tujuannya ialah untuk membina peradaban yang direndai Allah SWT berlandaskan ajaran tauhid dan bertanggungjawab menghapuskan *al-fasad* iaitu seperti korupsi, penyelewengan, kerosakan, kezaliman dan penindasan untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan masyarakat. Matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, keuntungan dan kemenangan di dunia dan di akhirat (Mohd. Affandi, 1989). Penghayatan terhadap konsep tauhid ini dilihat dapat memberikan implikasi yang benar-benar signifikan terhadap pengurusan sistem *hisbah* kerana seseorang itu akan menjadi pekerja

yang amanah, cekap dan berdisiplin serta tujuan akhirnya adalah untuk mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT. Konsep tauhid akan melahirkan penguatan kuasa yang mempunyai harga diri (*self-respect*), keyakinan diri (*self-esteem*), mempunyai rasa rendah diri (*modesty*) dan tawaduk. Konsep tauhid juga membuatkan manusia patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan keingkarannya itu akan mengakibatkan kemurkaan Allah SWT dan mendapat balasan setimpal di dunia dan akhirat (Wan Liz Ozman, 1996). Pendekatan tauhid yang holistik dalam sistem *hisbah* ini merupakan satu pendekatan yang meletakkan Tuhan sebagai paksi segala-galanya dan mengambil kira aspek dan hubungan antara manusia dengan Tuhannya serta sesama manusia. Dengan itu, segala penyelewengan dan kemungkaran dapat dijauhi dan dielakkan kerana hasil kemantapan iman dan takwa dalam diri manusia itu sendiri.

Pemantapan Ilmu Pengetahuan

Menghayati dan menguasai ilmu mengenai pengurusan *hisbah* menurut Islam memainkan peranan yang amat penting untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan tugas dalam sesebuah pengurusan dan pentadbiran. Tanpa ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam yang merangkumi persoalan ilmu dunia dan juga ukhrawi, organisasi dan tugas seseorang akan huru-hara. Ini kerana Islam mahukan semua umatnya menguruskan kehidupan mereka melalui berilmu. Sistem pengurusan *hisbah* menurut Islam merupakan satu sistem yang berilmu, maka manusia sebagai khalifah Allah SWT itu perlulah berilmu dan berpengetahuan terhadap apa yang hendak dilaksanakan dan dikerjakan terutamanya mengenai hukum-hakam dan perkara yang berkaitan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa Nahi 'an al-Munkar* (Mardzelah, 2008: 43). Manusia yang tidak berilmu, tidak akan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT. Pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap ilmu pengurusan *hisbah* menurut Islam adalah sangat lemah dan kian malap dari hari ke hari. Rentetan itu, salah satu langkah terbaik untuk menarik masyarakat untuk kembali memahami, menghayati dan mengamalkan pengurusan dan pentadbiran secara Islamik ialah melalui penulisan, ceramah, syarahan, dakwah dan menjadi subjek wajib dalam sistem pendidikan (JAKIM, t.th.: 38). Tanpa adanya pengurusan dan pentadbiran Islam, manusia akan cenderung menuruti hawa nafsu dalam setiap pertimbangan dan keputusan serta segala tindakan menjadi sia-sia hinggakan matlamat di akhirat kelak tidak akan menjadi nyata. Dalam hal ini, usaha Islamisasi terhadap semua ilmu dan sistem pengurusan penguatkuasaan perlu dihidupkan dan kejayaannya adalah berdasarkan sejauh mana pemahaman masyarakat terhadap semua sistem pengurusan penguatkuasaan menurut Islam tersebut. Kejahilan masyarakat terhadap segala ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam terutamanya ilmu yang berkaitan dengan *hisbah*, ia akan membantutkan usaha untuk menghidupkan kembali amalan *hisbah* menurut Islam.

Penerapan Nilai dan Etika dalam Pengurusan dan Pentabiran

Walaupun program penerapan nilai murni banyak dilaksanakan tetapi masih banyak terdapat kerja dan perkhidmatan dalam kalangan para *muhtasib* yang tidak berkualiti dan tidak beretika. Integriti merupakan perkara yang paling penting dan amat dititik beratkan dalam organisasi, jabatan, pekerja dan para penguat kuasa kerana kegagalan memiliki sifat tersebut akan mencemarkan nama baik organisasi, badan, masyarakat dan negara. Pembinaan jati diri Muslim itu sangat penting bagi melahirkan individu yang beriman dan bertaqwah sebagai modal insan berdaya saing yang mampu menggerakkan pembangunan masyarakat, organisasi dan negara. Penekanan terhadap penghayatan dan pengamalan nilai murni, moral dan akhlak Islamiyyah melalui pembinaan sahsiah yang bercirikan positif mestilah sentiasa disuburkan dan hendaklah digalas dengan penuh iltizam dan *istiqamah* terutamanya oleh para *muhtasib*. Nilai dan etika dalam perkerjaan sangat ditekankan iaitu bekerja dengan penuh keazaman dan menganggap kerja itu adalah sebahagian daripada pengabdian diri kepada Allah SWT. Antara syarat menjadikan sesuatu pekerjaan sebagai ibadah ialah niat kerana Allah SWT, menunaikan tanggungjawab asas, kerja yang selaras dengan syarak dan menginsafi bahawa setiap tugas adalah amanah yang akan dipersoalkan kelak. Oleh itu, para *muhtasib* perlunya memiliki nilai-nilai peribadi asas, nilai profesionalisme dan nilai kebersamaan agar dapat memupuk nilai integriti atau sikap positif dalam kerja dan tabah dalam mengawal segala kemungkaran serta memberikan menghasilkan kerja yang berkualiti (Norain et al., 2012; Rasid et al., 2008).

Memajukan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan

Perkara yang paling penting yang perlu ditekankan di sini ialah memajukan sistem pengurusan penguatkuasaan atau *hisbah* ini dengan jayanya. Hal demikian sangat penting terutamanya dalam mengembeleng tenaga dan menongkah arus pada era globalisasi dunia teknologi pada masa kini yang mana kesemuanya itu hendaklah sesuai dan mengikuti peredaran zaman (Auni, 2009). Jika sistem pengurusan *hisbah* gagal bersaing dengan kemajuan teknologi pada masa kini, maka ia akan ketinggalan dan kurang mendapat sambutan serta sokongan masyarakat bagi menjayakannya. Realitinya, teknologi canggih banyak membantu manusia dalam memudahkan lagi kerja-kerja penguatkuasaan. Perlu memajukan lagi sistem pengurusan aduan contohnya mengadakan sistem membuat aduan dalam talian *online*, menguruskan kaunter pertanyaan dan aduan khidmat pelanggan dengan lebih efisien dan berkesan, sistem aduan dan pengawasan bergerak, membaiki mutu komunikasi dengan lebih baik dan efektif. Selain itu, intitusi *hisbah* perlu menggunakan teknologi dan peralatan canggih agar memudahkan mereka melakukan pekerjaan iaitu seperti internet, telefon bimbit, kamera litar tertutup, alat pengesan, kereta perisai, bot laju, helikopter, jet, alat dan senjata canggih dan sebagainya.

Kesedaran daripada Manusia itu Sendiri

Apa yang hendak diperjelaskan di sini adalah mengenai faktor utama yang membantu kepada pelaksanaan *hisbah* itu dengan berjaya dan berkualiti walaupun dilanda pelbagai cabaran atau halangan ialah kesedaran daripada manusia itu sendiri. Kesedaran yang dimaksudkan di sini ialah sikap manusia dalam bermuhasabah diri atau menilai kembali segala yang berlaku lalu berfikiran secara positif dan kembali bersemangat untuk maju ke hadapan serta menyokong usaha-usaha untuk membangunkan institusi *hisbah* tersebut dalam sesbuah organisasi dan negara. Jika tiada kesedaran diri dalam kalangan masyarakat dan terutamanya para penguat kuasa, maka sudah pasti institusi *hisbah* ini tidak mampu bertahan untuk menghadapi sebarang cabaran dan rintangan. Adapun kebanyakan kekuatan dan kesedaran itu timbul berpunca daripada penghayatan terhadap nilai dan ajaran agama itu sendiri yang sentiasa menjadikan manusia itu berfikiran positif dan mempunyai keyakinan kendiri serta iman yang mantap sehingga mampu menghadapi pelbagai kesulitan dan tekanan.

IMPAK PELAKSANAAN INSTITUSI *HISBAH* DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Secara umum, institusi *hisbah* ini memberikan impak yang positif dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah:

Mengajak Manusia Berbuat Kebaikan dan Menjauhi Perkara yang Dilarang

Konsep *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* perlu dijadikan satu prinsip penting dalam institusi *hisbah* dan juga masyarakat agar dapat membentuk kerangka sistem kehidupan yang berkualiti dan terbaik mengikut perspektif dan panduan Islam sepenuhnya. Buktinya, ia adalah satu perintah untuk melaksanakan kebaikan dan juga satu larangan agar menjauhi segala kemaksiatan atau perkara-perkara yang negatif yang boleh merosakkan diri, masyarakat, agama dan negara. Justeru, setiap pemimpin dan masyarakat perlu memastikan tuntutan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* ini sentiasa dibudayakan agar aktiviti kehidupan seharian dapat berjalan lancar dan berkesan malah manusia itu turut diangkat tinggi martabatnya dan dihormati oleh makhluk dan Allah SWT. Untuk itu, setiap individu yang ingin melaksanakan *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* perlulah mempunyai kefahaman yang mantap dan kesabaran yang tinggi, bersopan-santun dan lemah lembut dengan berprinsipkan keimanan serta ketakwaan kepada Allah SWT (Abu Fahmi, 2001).

Akhlik dan Sahsiah Diri Masyarakat Terjaga

Termasuk tanggungjawab institusi *hisbah* itu juga ialah untuk memastikan setiap masyarakat mematuhi dan mengamalkan akhlak serta nilai-nilai Islam dalam setiap perkara yang selari dengan prinsip *al-Amar bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* (Auni, 2000). Untuk tujuan tersebut para *muhtasib* boleh mengambil tindakan menasihati, menangkap atau mendenda individu yang didapati melakukan kesalahan dan kemungkaran. Di samping itu, perlu menasihati masyarakat agar selalu mengamalkan sifat-sifat terpuji dan menjauhi sifat-sifat yang tercela. Antara nilai-nilai etika dan moral yang perlu ada dalam diri masyarakat ialah nilai peribadi asas seperti amanah, ikhlas, bertanggungjawab, berdisiplin dan menjaga sahsiah rupa diri yang selaras dengan tuntutan syarak iaitu seperti berpakaian menutup aurat dan kemas, menjaga adab sopan serta memiliki emosi yang sentiasa baik. Selain itu, disarankan memiliki nilai kepimpinan seperti adil, tegas, berani dan bijaksana. Setelah itu, memiliki nilai profesionalisme seperti berilmu, kreativiti, inovasi, integriti, neutraliti dan akauntabiliti. Seterusnya, pentingnya memiliki nilai kebersamaan seperti kerjasama, tolong-menolong, semangat berpasukan dan bersatu hati. Adapun kepentingan menjaga etika kerja dalam Islam pula ialah dapat memupuk nilai integriti dan sikap positif antara anggota organisasi, membentuk budaya dan suasana positif dalam kerja, menggalakkan persaingan yang sihat, mengawal penyelewengan atau rasuah dalam kerja serta menyumbang dan meningkatkan produktiviti yang lebih berkualiti (Norain et al., 2012; Rasid et al., 2008).

Kesucian Agama Islam dan Umatnya Terpelihara

Akidah dan ibadat merupakan dua perkara asas dalam ajaran Islam. Akidah umat Islam itu wajib berada pada landasan yang benar serta tidak terpesong daripada ajarannya yang sebenar dan umat Islam juga turut wajib dalam mengerjakan segala ibadat yang difardukan oleh Allah SWT serta kegagalan umat Islam mematuhi segala suruhan dan larangan Allah SWT adalah satu kesalahan yang sangat besar di sisi agama. Dengan itu, bagi memastikan umat Islam itu sentiasa tetap pada landasan Islam yang sebenar dan mengikuti segala ajarannya serta menjauhi segala larangan Allah SWT, maka institusi *hisbah* bertanggungjawab untuk mengawasi, menasihati, dan memperbetulkan keadaan sekiranya terdapat orang-orang yang jahil dan ingkar dalam kedua-dua perkara ini walau di mana ia berlaku (Auni, 2000). Adapun sekiranya terdapat golongan sesat yang cuba menyeleweng dan menyebarkan ajarannya, maka para *muhtasib* akan mengambil tindakan yang serius terhadap mereka kerana cuba merosakkan akidah masyarakat Islam dan mereka telah menyeleweng daripada ajaran yang sebenar malah tidak menghormati kesucian agama Islam itu sendiri (Auni, 2000). Dengan itu, para *muhtasib* perlu sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas mereka yang cuba menyesatkan ajaran agama dan ingkar terhadap segala suruhan Allah SWT.

Keselamatan Individu, Masyarakat, Organisasi dan Negara Terjamin

Institusi *hisbah* menggalas tanggungjawab dalam melindungi, menjaga dan memelihara keselamatan serta keamanan individu, masyarakat, organisasi dan negara (Mardzelah, 2008). Secara umum, ia berfungsi untuk menjaga keselamatan orang ramai dan membanteras sebarang aktiviti jenayah seperti pembunuhan, rompakan, rogol, pencabulan, jenayah kolar putih, perjudian, penyalahgunaan dadah, penculikan, serangan pengganas, peras ugut, memaki hamun, buli, pencabulan, penderaan, keganasan, serta lain-lain lagi. Selain itu, para *muhtasib* ditugaskan untuk mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan, komplot yang disyaki untuk melakukan kesalahan, meneliti perjalanan badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan. Para *muhtasib* juga dinasihati agar membantu mana-mana orang awam untuk menghapuskan jenayah, menasihati ketua dan badan-badan awam tentang bahaya rasuah, serta mendidik orang ramai dalam memerangi jenayah dan kemungkaran. Dengan demikian, institusi *hisbah* perlu sentiasa memainkan peranan yang lebih efisien dan mantap bagi mengelakkan masalah yang biasa berlaku ini berterusan atau berulang dan meningkat dari hari ke hari.

Segala Perjalanan dalam Sektor Ekonomi Diawasi dan Terkawal

Peranan khusus yang dimaksudkan ialah peranan para *hisbah* yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi. Antara tugas para *muhtasib* dalam sektor ekonomi ialah memastikan barang jualan itu halal dan mematuhi kehendak syarak, melarang segala perniagaan atau penjualan yang haram, menguatkuasakan peraturan-peraturan perniagaan, memastikan setiap premis dilesenkan, bersih dan tidak mengganggu orang awam. Selain itu, penguat kuasa juga berperanan dalam membanteras penipuan dan penyelewengan pada harga dan barang atau timbangan dan sukatian, mencegah segala transaksi jual beli yang berunsurkan riba serta menghukum para pengamalnya sekiranya didapati bersalah. Di samping itu, para *muhtasib* juga berperanan memerangi perbuatan memonopoli barang dan menetapkan harga barang sesuka hati kerana ia merosakkan masyarakat dan negara (Auni, 2000; Mardzelah, 2008). Oleh itu, para *muhtasib* perlu bertindak dengan yang lebih efisien dalam membasmi segala barang haram dan sentiasa merealisasikan konsep *Halalan Tayyiban* (al-Qaradawi, 1993).

Kebersihan dan Kesihatan Masyarakat Terjamin dan Terpelihara

Memastikan kebersihan dan kesihatan itu terjamin adalah menjadi salah satu tanggungjawab institusi *hisbah*. Antaranya adalah seperti di kawasan premis-premis perniagaan seperti restoran, kafeteria, hotel dan semua kedai yang ada menjual makanan atau minuman dengan memastikan ia berada di tahap yang memuaskan dan terkawal. Tugas yang dilakukan oleh para *muhtasib* adalah

**Cabaran Institusi *Hisbah* Dalam Dunia Kontemporari
Serta Usaha-Usaha Bagi Memperkasakannya**
Muhammad Syahir Abu Bakar¹, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria¹, Kamaruddin Salleh²

seperti mengawasi kebersihan tempat makan atau minuman, makanan dan minuman, bekas makanan dan minuman, dan para pekerja perlu dipastikan bersih dan bebas daripada sebarang kekotoran serta boleh menyebabkan penyakit atau keracunan. Manakala mengenai kesihatan penduduk juga turut menjadi tanggungjawab institusi *hisbah* iaitu seperti *muhtasib* mengawasi kelayakan para doktor dan ahli farmasi serta memastikan ubat-ubatan terkawal dan diluluskan serta bukan tiruan atau mengandungi bahan terlarang, memastikan kawasan penduduk atau perumahan bebas daripada sebarang penyakit (Auni, 2000; Mardzelah, 2008). Antara penyakit berbahaya dan berjangkit itu ialah seperti denggi atau malaria, JE, hawar, kencing tikus, taun, selsema burung, tibi, dan lain-lain. Dengan itu, para *muhtasib* bahagian kesihatan perlu sentiasa mengambil tindakan yang preventif dan proaktif bagi mengangani masalah segala penyakit tersebut dengan penuh efektif agar tidak membahayakan kesihatan dan nyawa masyarakat.

Harta dan Kemudahan Awam Dilindungi

Kemudahan-kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan adalah untuk kegunaan dan keselesaan bersama, maka ia perlu dilindungi sebaik yang mungkin. Antara kemudahan awam adalah seperti jalan raya, tandas awam, taman permainan, tempat riadah, tempat beristirehat, padang untuk bersukan, kawasan pasar, surau, dan lain-lain. Ia menjadi tugas para *muhtasib* dalam memastikan harta dan kemudahan awam ini kekal selamat dan bebas daripada dirosakkan oleh sebilangan golongan atau anasir yang tidak bertanggungjawab. Mereka yang merosakkan atau mengganggu dan menghalang orang ramai daripada menggunakan, maka para *muhtasib* perlu memberi amaran dan mengambil tindakan sekiranya mereka berterusan mengganggu keselesaan orang ramai untuk menggunakan. Kemudahan awam yang terjaga dengan bersih, elok, dan selamat tentunya memberi keselesaan kepada orang ramai ketika menggunakan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa institusi *hisbah* pada masa kini banyak cabarannya khususnya dalam menjaga dan menegakkan hak-hak manusia, agama, bangsa dan negara. Namun, pelaksanaannya itu masih di tahap sederhana dan tidak secara holistik akibat pelbagai halangan dankekangan yang dihadapi. Dengan itu, pelaksanaan *hisbah* menurut Islamik ini perlu diperluaskan dan dipergiatkan lagi usahanya walau apa juarintangan yang melanda demi keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan juga akhirat.

RUJUKAN

- Abu Fahmi. (2001). *Etika Beramar Makruf Nahi Mungkar*. Jakarta: Gema Insani Press.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1982). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 2. Bayrut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun, Abū Zayd 'Abd al-Rahmān Ibn Muhammad al-Haḍrami. (1961). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Mandhur, Jamaluddin Muhammad Ibn Mukarram al-Ansari. (1990). *Lisan al-'Arab*. Jil. 4. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ma'tuq, Rashad 'Abbas. (1982). *Nizam al-Hisbah fi al-'Iraq hatta 'Asr al-Ma'mun Nash'atuhu wa Tatawwuruhu*. Jeddah: Tihama.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Basri. (1989). *Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Kuwayt: Maktabah Dar Ibn al-Qutaybah.
- Mohd. Affandi Hassan. (1989). *Pendekatan Tawhid dalam Pengurusan dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif*. Kuala Lumpur, Bukit Kiara, INTAN: Biro Penyelidikan dan Perancangan (BIRO).
- Norain Ishak, Noormala Rabu, Mohd Fauzi, Kalthom Mohd. Khalid, Mohd. Faizal P. Rameli & Husnul Rita. (2012). *Teras dan Amalan Pengurusan Islam*. UiTM Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & Salahudin Suyurno, S. (2008). *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- al-Shihawi, Ibrahim Dasuqi. (1962). *al-Hisbah fi al-Islam*. Qaherah: Maktabah Dar al-Urubah.
- Wan Liz Wan Omar. (1996). *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1984). *Nizam al-Qada' fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Bagdad: Maktabah al-Shu'ara'.